

04/07/1999

Sokongan wanita tidak terjejas

PADANG BESAR: Sokongan kalangan wanita termasuk di peringkat akar umbi terhadap Umno tidak terjejas walaupun parti itu dilanda krisis akibat pemecatan Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Ketua Pergerakan Wanita Umno, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman, berkata kesetiaan dan keyakinan mereka terhadap parti bukan saja diukur melalui tinjauan dan laporan.

Malah, katanya, penilaian dibuat berdasarkan sambutan baik serta keupayaan menggerakkan ahli dan penyokong dalam tempoh singkat untuk tujuan tertentu.

"Bertentangan dengan pendapat sesetengah pihak, sokongan terhadap Umno, terutama dari kalangan wanita di peringkat akar umbi sebenarnya tetap utuh walaupun kita menghadapi pelbagai cabaran.

"Ini kerana kita memberi penekanan kepada Wanita Umno di semua peringkat supaya sentiasa menjalankan kegiatan yang mesra rakyat bagi memberi pemahaman serta mengelak golongan itu dipesongkan," katanya selepas menyampaikan ceramah dan berdialog pada Program Gerak Mesra Wanita Umno, di Kem Bina Semangat di Kaki Bukit, di sini, semalam.

Dalam perkembangan berkaitan, Dr Siti Zaharah berkata, jentera Wanita Umno sudah bersiap kira-kira 70 peratus untuk menghadapi pilihan raya umum akan datang.

Beliau berkata, Ibu Pejabat Wanita Umno sentiasa memantau persediaan serta perkembangan yang dilakukan di semua peringkat bagi memastikan tiada mana-mana pihak yang ketinggalan.

Sementara itu di Maran, Barisan pertama Wanita parti komponen Barisan Nasional (BN) akan mengadakan pertemuan di Langkawi 21 Julai ini, bagi membincang dan mengkaji semula persiapan menghadapi pilihan raya umum.

Dr Siti Zaharah berkata, mesyuarat sehari itu adalah untuk mengeratkan lagi semangat setia kawan dan kerjasama antara wakil Wanita daripada parti komponen terbabit.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dijangka memberi amanat kepada semua wakil dalam mesyuarat itu nanti.

"Saya berharap semua ketua Wanita bahagian daripada parti komponen hadir di mesyuarat itu. Ini adalah laluan untuk kita bekerja lebih kuat demi memastikan kemenangan BN dalam pilihan raya nanti," katanya selepas pertemuan dengan 165 ketua Wanita Umno bahagian seluruh negara di sini, semalam.

(END)